

NO. SOALAN: 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG
(TEBRAU)**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan menggalakkan kenderaan-kenderaan pengangkutan awam menggunakan 'solar panel' sebagai sumber tenaga yang mesra alam sekitar memandangkan sudah ada pengusaha tempatan yang berkebolehan mengeluarkan bas-bas yang memakai 'solar panel'.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seiring dengan hasrat Dasar Automotif Negara 2014 yang mahu menjadikan Malaysia sebagai hab kenderaan cekap tenaga (*energy efficient vehicles* - EEV) serantau menjelang tahun 2020, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) kini sedang meneiliti untuk menjadikan EEV sebagai salah satu keperluan utama dalam dasar dan program-program pengangkutan awam darat di Malaysia.
2. Namun pada masa ini, SPAD tidak mempunyai perancangan bagi penggunaan solar panel sebagai sumber bahan api alternatif untuk pengangkutan awam khususnya bas.
3. Kini, pengusaha atau pengendali perkhidmatan bas adalah digalakkan untuk menggunakan kenderaan EEV, namun penggunaannya tidak diwajibkan. Ini kerana pada masa ini, tumpuan dan fokus kepada perkhidmatan bas adalah untuk memastikan mereka mampu untuk terus beroperasi dan menawarkan perkhidmatan yang baik. Oleh yang demikian, pengusaha atau pengendali bas pada masa ini masih lagi bebas memilih untuk membeli dan menggunakan kenderaan yang mampu mereka miliki.

4. Walaubagaimanapun, SPAD sedang merancang untuk menggalakkan penggunaan EEV seperti bas elektrik ke dalam projek pengangkutan awam di bawah seliaannya seperti Skim Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) serta lain-lain program pengangkutan awam yang akan dijalankan kelak.

Sekian, terima kasih.